

BERITA

Kelas hantu, alam ghaib di NUS dapat sambutan

Lebih 100 pelajar pilih kelas yang diajar Pensyarah Kanan di fakulti Sosiologi dan Antropologi di NUS setiap kali ditawarkan

► **NYIMAS ANDREANA**
nyimas@sph.com.sg

Bunyi seolah-olah papan kekunci ditaip boleh didengar dengan jelas, tetapi apabila seorang pensyarah memeriksa lebih lanjut, beliau dapati tiada orang lain di pejabat itu.

Ada pula larangan tidak rasmi supaya tidak berjalan di satu koridor terencil di kampus pada waktu senja.

Kisah-kisah ini antara 'cerita hantu' yang dikongsi Pensyarah Kanan di fakulti Sosiologi dan Antropologi di Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Noorman Abdullah, 47 tahun kepada pelajar yang mengikuti kelas 'Ghosts and Spirits in Culture and Society' atau Hantu dan Jelmaan dalam Budaya dan Masyarakat.

Antara lain, kursus itu bertujuan memberi pelajar pemahaman lebih mendalam mengenai tarikan alam ghaib dalam masyarakat dan cara tarikan ini dimanifestasikan, termasuk dengan cara menonton filem seram dan mementaskan lakonan cerita hantu, kata Dr Noorman.

Beliau berkata ada manfaat luas apabila seseorang pelajar memilih kelas di luar jurusan utama yang diceburi.

"Sentiasa mengambil sikap ingin tahu lebih daripada jurusan anda, kerana apabila sudah mempunyai minat, anda pasti akan cemerlang dan akan memberi anda kelebihan dibandingkan dengan pelajar lain."

Kelas 'alam ghaib' yang diajarnya ini popular, kata Dr Noorman.

Ia menarik sekitar 100 orang setiap kali ditawarkan, sejak ia mula diadakan sekitar empat tahun lalu.

Bercakap kepada *Berita Harian (BH)*, Dr Noorman berkata pengalaman hidupnya membesar dalam keluarga yang dipengaruhi pelbagai latar belakang, telah mencetus minat yang mendalam bagi dirinya mengenai topik ini.

Ada banyak kisah dongeng dan pantang larang yang menjadi pegangan teguh sebahagian ahli keluarganya, kata beliau, yang berketurunan Melayu, Jawa, Cina dan Peranakan.

"Ahli keluarga dan rakan-rakan saya sering ceritakan tentang pengalaman ghaib mereka. Terutama semasa Perkhidmatan Negara, di mana ramai yang asyik berkongsi tentang cerita-cerita sedemikian," jelas Dr Noorman.

Beliau percaya berkongsi cerita hantu membantu masyarakat berbilang kaum di Singapura saling mencaapai persamaan.

"Perkara yang saya amat kagumi

adalah percampuran amalan di kalangan masyarakat," tambah beliau.

"Saya dapat perhatikan sikap inklusif dari aspek amalan budaya, kerana ahli keluarga saya berasal dari pelbagai bangsa," tambah Dr Noorman.

Menerangkan lebih lanjut mengenai kelas yang diajarnya itu, Dr Noorman berkata pelajarannya berbilang bangsa dan menceburi pelbagai jurusan di NUS, termasuk kejuruteraan, sains, pengkomputeran, guaman.

Ia juga mendapat sambutan baik daripada pelajar antarabangsa, termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah dan Korea Selatan, kata beliau.

"Oleh sebab itu, saya cuba pastikan kelas ini dijalankan dengan cara yang senang untuk difahami oleh semua pelajar dan kadang kala mengambil pendekatan antara disiplin," ujar Dr Noorman.

Kepelbagaian ini membolehkan perbincangan yang lebih menarik, apabila pelajar bertukar pandangan berbeza antara satu sama lain, tambah beliau.

Menurut Dr Noorman, setiap kelas dimulakan dengan perbincangan tentang alam dan makhluk ghaib, dan diikuti penglibatan pelajar, seperti pembentangan tentang konsep-konsep yang telah dipelajari di dalam kelas, tayangan filem seram, ataupun lakonan cerita hantu.

Menambah, beliau berkata kursus ini amat penting untuk membolehkan pelajar memahami tentang budaya dan gaya hidup masyarakat Asia Tenggara, yang masih mementingkan kepercayaan agama dan budaya, melalui alam ghaib.

"Pelajar saya pernah membuat pembentangan tentang Pontianak, untuk membawa keterangan lanjut mengenai isu jantina, dan peranan cerita hantu dalam masyarakat kita," kata Dr Noorman lagi.

Antara isu kemasyarakatan yang dapat dipelajari melalui kursus ini adalah peranan agama dan budaya yang tidak boleh dihapuskan, walaupun Singapura merupakan sebuah masyarakat yang sekular.

Dr Noorman berkata: "Konsep sekular adalah apabila agama tidak lagi diutamakan, tetapi dalam masyarakat kita, agama dan budaya masih dipraktikkan secara peri-badi."

Buat masa ini, Dr Noorman sedang giat membuat kajian, mencari bahan baru untuk kelas ini.

"Saya mungkin akan mulakan kursus yang lebih khusus kepada sebuah konsep, contohnya rasukan rohaniah, tetapi kini masih sibuk menguruskan komitmen yang lain," kata beliau.



Dr Noorman Abdullah, 47 tahun, menekankan kepentingan memahami amalan budaya masyarakat, kini mengajar isu kemasyarakatan dari sudut pandangan alam ghaib di peringkat siswa NUS. – Foto BH

"Ahli keluarga dan rakan-rakan saya sering ceritakan tentang pengalaman ghaib mereka. Terutama semasa Perkhidmatan Negara, di mana ramai yang asyik berkongsi tentang cerita-cerita sedemikian."

– Dr Noorman Abdullah.